



مؤتمر الإمام الشافعي الدولي

IMAM AS-SYAFI'I INTERNATIONAL CONFERENCE

Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi'i

Ketahanan Fiqh As-Syafi'i Dalam Mewujudkan Kesejahteraan Ummah
Sustainability of Fiqh As-Syafi'i in Driving the Prosperity of the Ummah

26-27 Syawal 1444 | 17-18 Mei 2023
Borneo Convention Centre Kuching

KERTAS KERJA 5

Fatwa dan Perubahan: Satu Nota Ringkas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي وفق للخيرات عباده الابرار، أحمدده سبحانه وتعالى حمدا يدافع عنى الاشرار،
وأشهد أن لا اله الا الله الفتاح الغفار، وأشهد أن سيدنا محمدا عبده ورسوله المصطفى
المختار. وأصلى وأسلم على سيدنا محمد وآله وأصحابه الاخيار، صلاة وسلاما أنجى بهما من
عذاب النار(وبعد)

Muqaddimah:

Sebagai muqaddimah, elok diperhatikan pernyataan berbentuk tasawwur umum yang diketengahkan oleh al-'Allamah Ibn al-Qayyim mengenai tema fatwa dan perubahan ini. Pernyataan beliau di dalam kitabnya l'lam al-Muwaqqi'in adalah seperti berikut:

ولا يتمكن المفتي ولا الحاكم من الفتوى والحكم بالحق الا بنوعين من الفهم، أحدهما: فهم الواقع
والفقه فيه واستنباط علم حقيقة ما وقع بالقرائن والامارات والعلامات حتى يحيط به علمًا،
والنوع الثاني: فهم الواجب في الواقع، وهو فهم حكم الله الذي حكم به في كتابه أو على لسان
رسوله في هذا الواقع...

Maksudnya:

“Seseorang mufti atau hakim tidak akan mampu berfatwa dengan baik dan memutuskan penghakiman melainkan setelah menguasai dua sisi kefahaman: Pertama, keupayaan untuk memahami tentang waqi' (realiti keadaan dan lingkungan), serta mampu mencerp hakikat yang sebenarnya sesuatu kejadian atau kelakuan tersebut dengan menggunakan kaedah-kaedah pembuktian, pengecaman tanda dan isyarat serta ciri-cirinya sehingga realiti itu benar-benar terserlah hakikatnya di sisinya. Kedua, keupayaan untuk menguasai

dan memahami ilmu yang diwajibkan ke atasnya untuk dikeluarkan hukum yang berkaitan dengan realiti dan kenyataan yang diselidikinya. Ianya bermaksud perlunya penguasaan dirinya untuk memahami hukum-hakam Allah di dalam al-Quran dan sunnah Rasul-Nya yang berkaitan dengan realiti dan peristiwa yang berkenaan."

- Perlu didahului sebarang perbahasan dan perbincangan mengenai Fatwa atau Hukum Syarak dan kaitannya dengan perubahan dengan penetapan bahawa komponen Syariah secara umumnya terbahagi kepada dua kategori, kategori al-Tsawabit dan kategori al-Muthgayyirat. Syeikh Ibn al-Qayyim menyebutkan di dalam kitabnya l'lam al-Muwaqqi'iiin:

الأحكامُ نَوْعَانُ: نَوْعٌ لَا يَتَغَيَّرُ عَنْ حَالِهِ وَاحِدَةً هُوَ عَلِمَهَا، لَا بِحَسَبِ الْأُزْمِنَةِ، وَلَا الْأَمْكِنَةِ، وَلَا اجْتِهَادِ الْأُئِمَّةِ، كَوُجُوبِ الْوَاجِبَاتِ، وَتَحْرِيمِ الْمُحَرَّمَاتِ، وَالْحُدُودِ الْمُقَدَّرَةِ بِالشَّرْعِ عَلَى الْجَرَائِمِ وَنَحْوِ ذَلِكَ، فَهَذَا لَا يَتَطَرَّقُ إِلَيْهِ تَغْيِيرٌ وَلَا اجْتِهَادٌ يُخَالِفُ مَا وُضِعَ عَلَيْهِ. وَالنَّوْعُ الثَّانِي: مَا يَتَغَيَّرُ بِحَسَبِ افْتِضَاءِ الْمَصْلَحَةِ لَهُ زَمَانًا وَمَكَانًا وَحَالًا، كَمَقَادِيرِ التَّعْزِيرَاتِ وَأَجْنَاسِهَا وَصِفَاتِهَا، فَإِنَّ الشَّارِعَ يُنَوِّعُ فِيهَا بِحَسَبِ الْمَصْلَحَةِ.

- Tsawabit adalah perkara-perkara prinsip pokok dan teras yang dalilnya qath'iy (mutlak dan pasti), baik qath'iyat-tsubut (sabitan dalilnya mutlak dan pasti serta tidak diperselisihkan diantara para ulama), maupun qath'iyat al-dilalah (makna dan pengertiannya mutlak, pasti dan tidak diperdebatkan di antara para ulama Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah). Jelas al-Imam al-Syatibiy di dalam kitabnya al-Muwafaqat:

فأما القطعي؛ فلا مجال للنظر فيه بعد وضوح الحق في النفي أو في الإثبات، وليس محلا للاجتهاد، وهو قسم الواضحات؛ لأنه واضح الحكم حقيقة، والخارج عنه مخطئ قطعاً

- Adapun *al-mutaghayyirat* adalah perkara-perkara yang mungkin mengalami penggantian, perubahan, takwil, dan pengembangan. Dan perubahan di dalamnya bukanlah merupakan pelanggaran terhadap hal-hal pokok dan teras. Ia merupakan hal yang fleksibel berdasarkan berlakunya perubahan waktu, tempat, senario, lingkungan yang menuntut adanya fleksibiliti, adaptasi, dan respon, tetapi masih dalam kerangka menjaga tsawabit.

- Perkara-perkara yang dapat dikategorikan ke dalam *al-mutaghayyirat* secara umumnya adalah sebagaimana berikut:
 - Pertama, *al-wasail al-khadimah lil ibadat* (wasilah-wasilah yang membantu untuk pelaksanaan ibadah) misalnya cara dan kaifiyat yang membantu dalam pelaksanaan ibadah seperti penggunaan pembesar suara ketika azan dan seumpamanya.

 - Kedua, *kaifiyat ba'dhi al-muamalat* (tatacara sebahagian bidang muamalat yang melibatkan hablun min al-nas dengan maksud bukan ibadah). Pada dasarnya hukum teras halal haram *muamalat duniyawiyah* itu tsabit (tetap) tidak mengalami perubahan, tetapi pada sebahagian kaifiyyat *muamalat* itu dapat mengalami atau menerima perubahan seperti bagaimana cara bermusyawarah, bagaimana proses melaksanakan keadilan, bagaimana melakukan amar makruf nahi munkar. Cara dan kaedah serta mekanisme tentu boleh saja berubah sesuai dengan keadaan, tempat dan waktu.

 - Ketiga, *al-tasharrufat al-siyasiyah* (pengurusan dan tatakelola politik dan siyasah). Dalam perkara ini syarak menyerahkan pelaksanaannya kepada ulil amri dan para ulama dengan dasar pertimbangan untuk mewujudkan kemaslahatan seperti;

masalah administratif dan pemerintahan, peraturan perundangan, aspek ekonomi makro dan mikro dan hal ehwal kewangan, jaminan keamanan dengan memperkuat tentera dan sebagainya. Kesemuanya adalah perkara yang dapat berubah sesuai dengan perubahan masa, keadaan dan tempat yang dapat mewujudkan kemaslahatan manusia.

- Keempat, *al-nawazil al-dharuriyah* iaitu fenomena-fenomena alam, sosial, dan sebagainya yang baru muncul yang menimbulkan kemudharatan bagi orang ramai baik secara individu (personal) maupun secara kolektif (jama'i) misalnya fenomena wabak COVID-19 dll.
- Kelima, *al-masail la nashsha wa la al-ijma'* 'ala ahkamiha (perkara-perkara yang tidak ada nas dan tidak ada ijma' tentang hukumnya). Dalam istilah ulama ushul al-fiqh segmen ini dikenali sebagai *mantiqah al-faragh* (segmen kosong) atau *al-mantiqat al-'afwu* (segmen yang dalam ruang yang dimaafkan).
- **Qawaid Fiqhiyyah Berkenaan Perubahan Fatwa dan Hukum**
 - Dari segi qawaid fiqhiyyah, banyak terdapat kaedah-kaedah fiqh yang mengiktiraf keperluan berubahnya hukum-hakam ijtihadiyah pada peringkat ijtihad dan tatbiq. Antara lainnya adalah seperti berikut:

▪ الأحكام المرتبة على العوائد تتبع العوائد وتتغير عند تغييرها

▪ الأحكام قد تختلف باختلاف الزمان

▪ تغير الفتوى واختلافها بحسب تغير الأزمنة والأمكنة والأحوال والنيات والعوائد

▪ الحوادث تتجدد والمصالح تتغير بتغير الزمان والمكان.

- لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان
- لا ينكر تغير الأحكام الاجتهادية بتغير الأزمان

▪ **Faktor Fatwa Berubah:**

i. Berlakunya Perubahan Pada Tahap Kematangan Ilmu dan Pengetahuan Hukum Mufti:

- Perkara ini sebenarnya diisyaratkan di dalam satu hadis riwayat al-Imam Muslim berkenaan pertanyaan seorang sahabat mengenai sekiranya beliau terkorban dalam perang fi sabilillah dalam keadaan beliau sabar, mengharapkan ganjaran syahid disisi Allah Ta'ala, konsisten dan berdisiplin dalam memerangi musuh agama tanpa berpaling melarikan diri, sama ada beliau akan mendapat ganjaran penghapusan segala salah silapnya atau seumpamanya. Lantas beliau menerima jawapan yang positif dari Rasulullah tentang hal berkenaan. namun sebaik sahaja beliau beredar, Rasulullah SAW memanggil semula sahabat berkenaan dan memberi jawapan tambahan dalam bentuk pengecualian kepada jawapan positif yang telah dikemukakan pada awalnya dengan bersabda: “ya melainkan hutang, inilah yang diberitahu oleh Jibril”. Teks hadis berkenaan adalah sebagaimana berikut:

عن أبي قتادة قال: قال رجل: يا رسول الله أرأيت إن قتلت في سبيل الله صابرا محتسبا مقبلا غير مدبر يكفر الله عني خطاياي؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: نعم . فلما أدبر ناداه فقال: نعم إلا الدين؛ كذلك قال جبريل . رواه مسلم.

- Contoh praktikal dalam kalangan fuqaha` adalah seperti yang berlaku kepada pandangan al-Imam al-Syafie berkaitan dengan perkembangan mazhabnya dengan adanya Qawl Qadim dan Qawl Jadid. Sebenarnya berlakunya fenomena qawl qadim semasa beliau di Iraq dan qawl jadid semasa beliau di Mesir, menurut para peneliti muhaqqiqin bukan kerana perubahan persekitaran atau suasana di Mesir dan di Iraq, bahkan yang terjadi ialah berlakunya peningkatan tahap keserjanaan pengetahuan al-Imam al-Syafie khususnya berkenaan dengan hadis-hadis dan sunnah apabila beliau sampai ke Mesir kerana terlibat secara aktif dengan para Ulama Mesir yang ada pada ketika itu yang sebahagiannya merupakan murid-murid utama al-Imam Malik dan juga al-Imam al-Layth. Oleh yang demikian, dalam isu-isu hukum tertentu, al-Imam al-Syafie mengemukakan pandangan hukum yang baru yang dikenali sebagai qawl jadid bagi memperkemaskan pandangan hukum yang terdahulu yang diputuskan di Iraq pada ketika ketiadaan dalil sunnah yang sampai kepada pengetahuannya pada ketika beliau di Iraq.
- Sebagai tambahan, perkara perubahan qawl qadim kepada qawl jadid perlu diberi perhatian kerana banyak tersebar dalam kalangan penyelidik tentang faktor perubahan fatwa atau pandangan hukum al-Imam al-Syafie adalah disebabkan perubahan tempat dan persekitaran sedangkan menurut para muhaqqiqin, perubahan masalah-masalah hukum qawl qadim kepada qawl jadid, jika diteliti, tidakpun memperlihatkan faktor perbezaan geografi atau budaya bahkan lebih tertumpu kepada isu dalil dan nas.

- contoh lain yang mengengahkan faktor yang sama ialah berkenaan dengan peristiwa yang terjadi kepada al-Imam Malik sebagaimana yang disebutkan di dalam Sunan al-Bayhaqiy mengenai pada awalnya fatwa al-Imam Malik mengenai tidak perlunya digosok antara celah jari kaki ketika berwuduk tetapi kemudiannya beliau mengubah fatwanya kepada perlunya untuk berbuat demikian ketika berwuduk setelah beliau mengetahui dan sampai kepadanya hadis yang boleh menjadi hujah hukum yang menjelaskan hal berkenaan. Teks yang menjelaskan hal berkenaan adalah sebagaimana berikut:

عن عبد الرحمن بن وهب، قال: سمعت عمي، يقول: سمعت مالكا يسأل عن تخليل أصابع الرجلين في الوضوء؟ فقال: ليس ذلك على الناس. قال: فتركته حتى خف الناس، فقلت له: يا أبا عبد الله، سمعتك تفتي في مسألة تخليل أصابع الرجلين، زعمت أن ليس ذلك على الناس، وعندنا في ذلك سنة، فقال: وما هي؟ فقلت: ثنا الليث بن سعد، وابن لهيعة، وعمرو بن الحارث، عن يزيد بن عمرو المعافري، عن أبي عبد الرحمن الحبلي، عن المستورد بن شداد القرشي، قال: " رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم يدلك بخصره ما بين أصابع رجليه ". فقال: إن هذا حديث حسن، وما سمعت به قط إلا الساعة، ثم سمعته يسأل بعد ذلك، فأمر بتخليل الأصابع. [البهقي في السنن]

ii. Perubahan fatwa akibat daripada perbezaan latar mustafti:

- perkara ini sebenarnya diisyaratkan antara lainnya di dalam satu hadis riwayat al-Imam Abu Dawud di dalam Sunannya berkenaan pertanyaan seorang lelaki yang bertanyakan hukum kepada Rasulullah SAW berkaitan dengan perbuatan menggauli isteri [tanpa hubungan seks] ketika berpuasa, lalu Rasul SAW memberi ruang kebenaran

rukhsah kepadanya, dan kemudiannya datang seorang yang lain bertanyakan hal yang sama tetapi jawapan Rasul SAW adalah dalam bentuk menegahinya daripada berbuat demikian. Hal ini demikian kerana latar penanya pertama adalah seorang yang sudah berusia lanjut lalu diberikan rukhsah oleh Baginda Rasul SAW manakala penanya kedua, masih lagi dalam usia muda, lalu dikelaurkan jawapan pencegahan/preventif.

عن أبي هريرة: "أن رجلاً سأل النبي صلى الله عليه وسلم عن المباشرة للصائم فرخص له، وأتاه آخر فسأله فنهاه، فإذا الذي رخص له شيخ والذي نهاه شاب".

Hal fatwa nabawi yang berubah ini diperjelaskan lagi dalam hadis riwayat al-Imam Ahmad sebagaimana berikut:

روى الإمام أحمد من حديث عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما قال: كنا عند النبي صلى الله عليه وسلم فجاء شاب فقال: يا رسول الله! أقبل وأنا صائم؟ فقال النبي صلى الله عليه وسلم: لا، فجاء شيخ فقال: أقبل وأنا صائم؟ فقال: نعم، قال الراوي فنظر بعضنا إلى بعض فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: قد علمت لم نظر بعضكم إلى بعض، إن الشيخ يملك نفسه.

- Contoh praktikal dalam kalangan fuqaha` adalah seperti yang berlaku kepada pandangan Ibn 'Abbas Radhiya Allahu 'Anhu berkenaan hukum taubat bagi orang yang membunuh, beliau dalam satu majlis menjawab fatwa kepada seseorang bahawa orang yang membunuh tidak diterima taubatnya dan balasannya ialah api neraka, tetapi dalam situasi lain beliau menjelaskan taubat orang yang telah membunuh orang lain tanpa hak masih diterima taubatnya. Apabila ditanya tentang perbezaan hukum

fatwanya Ibnu Abbas menyatakan bahawa beliau fatwakan kepada yang pertama kerana kelihatan daripada kelakuan dan tindak tanduknya si penanya dalam keadaan emosi yang tak stabil dan sedang bertekad untuk membunuh seseorang manakala untuk penanya yang seorang lagi beliau nyatakan pintu taubat masih terbuka kerana orang yang berkenaan hampir putus asa daripada rahmat Allah kerana telahpun membunuh seseorang.

- Dalam konteks ini juga saya sertakan definisi dan pesan guru saya mengenai fatwa yang turut menyentuh hal ini. Kata guru saya Dato' Haji Ismail Yusuf , Mufti Kelantan yang terdahulu:-

“Fatwa itu dikeluarkan oleh pihak mufti sebagai menjawab pertanyaan-pertanyaan yang datang dari berbagai-bagai peringkat anggota masyarakat Islam, dari orang perseorangan, dari badan-badan, dari agensi-agensi kerajaan dan lain-lain di mana masing-masing membuat pertanyaan mengenai masalah ugama yang dimusykilkan mengikut suasana kehidupan masing-masing yang kadangkadangkang suasana itu berlainan antara satu dengan yang lain, dan dengan susun kata pertanyaan (sighat al-sual) mengikut apa yang diguna oleh masing-masing. Maka dipercayai bahawa mufti serta Jemaah Ulamanya dalam hal memberi fatwa tidak dapat tidak mengambil kira akan keadaan-keadaan si sail (orang yang bertanya) dan keadaan suasana kehidupannya yang sangat mempengaruhi tutur kata seseorang. Dan berikutan dari keadaan-keadaan inilah boleh jadi terdapat bahawa umpamanya dua orang yang bertanya pada masalah

yang sama tetapi diberi jawapan dengan dua fatwa yang agak berlainan.”

iii. Perubahan fatwa akibat daripada perubahan yang berlaku pada uruf sistem kehidupan setempat, adat, amalan dan budaya setempat yang melatari sesuatu hukum:

- Perkara ini dipertegasakan oleh Syeikh ‘Ali Haidar di dalam kitab Durar al-Hukkam Syarah Majallat al-Ahkam sebagaimana berikut:

(إِنَّ الْأَحْكَامَ الَّتِي تَتَغَيَّرُ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ هِيَ الْأَحْكَامُ الْمُسْتَنْدَةُ عَلَى الْعُرْفِ وَالْعَادَةِ؛ لِأَنَّهُ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ تَتَغَيَّرُ اِحْتِيَاجَاتُ النَّاسِ، وَبِنَاءٍ عَلَى هَذَا التَّغْيِيرِ يَتَبَدَّلُ - أَيْضًا - الْعُرْفُ وَالْعَادَةُ، وَبِتَغْيِيرِ الْعُرْفِ وَالْعَادَةِ تَتَغَيَّرُ الْأَحْكَامُ حَسَبَمَا أَوْضَحْنَا أَنْفَاءً، بِخِلَافِ الْأَحْكَامِ الْمُسْتَنْدَةِ عَلَى الْأَدَلَّةِ الشَّرْعِيَّةِ الَّتِي لَمْ تُبْنَ عَلَى الْعُرْفِ وَالْعَادَةِ فَإِنَّهَا لَا تَتَغَيَّرُ. مِثَالُ ذَلِكَ: جَزَاءُ الْقَاتِلِ الْعَمْدِ الْقَتْلُ. فَهَذَا الْحُكْمُ الشَّرْعِيُّ الَّذِي لَمْ يَسْتَنْدِ عَلَى الْعُرْفِ وَالْعَادَةِ لَا يَتَغَيَّرُ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ).

- Al-Imam al-Qarafiy menyatakan di dalam kitabnya al-Furuq bahawa perlunya sesuatu hukum yang diputuskan berdasar uruf dan adat berubah apabila berubahnya uruf dan adat berkenaan dan beliau menegaskan bahawa perlunya ada penyesuaian dan penyelarasan antara hukum dan budaya atau adat apabila berlakunya perubahan terhadap budaya dan uruf berkenaan.
- Tegas beliau: ... setakat mana uruf budaya berubah kepada yang baharu, perlulah diambilkira, setakat mana yang telah luput pupus, kamu abaikanlah, jangan sesekali kamu terus terbeku dan terperangkap dalam hukum-hukum yang

tercatat dalam kitab-kitab sepanjang umurmu [yang melibatkan perbendaharaan hukum bukannya prinsip-prinsip hukum], bahkan apabila datang kepada kamu seseorang yang bukan daripada latar kebudayaan kawasan kamu bertanyakan tentang sesuatu fatwa, maka janganlah sesekali kamu layaninya dengan menjelaskan hukum mengikut uruf ditempat kamu, tanyalah kepadanya tentang uruf budaya ditempatnya dan pada ketika itu barulah beri penjelasan hukum dan fatwa kepadanya tanpa mengikut fatwa yang kamu keluarkan ditempat kamu, juga tanpa terikat dengan apa yang kamu dapati didalam kitab-kitab yang kamu telaahkan [yang dibina berdasarkan uruf tempatan kamu]. Inilah jalan yang benar dan kaedah yang betul dalam penfatwaan... Penjelasan al-Imam al-Qarafiy yang tersebut adalah sebagaimana berikut:

“فمهما تجدد في العرف اعتبره، ومهما سقط أسقطه، ولا تجمد على المسطور في الكتب طول عمرك، بل إذا جاءك رجل من غير أهل إقليمك يستفتيك: لا تُجره على عرف بلدك، واسأله عن عرف بلده، وَأَجْرِهِ عَلَيْهِ، وَأَفْتِهِ بِهِ دُونَ عَرَفِ بَلَدِكَ، ودون المقرر في كتبك، فهذا هو الحق الواضح والجمود على المنقولات أبداً: ضلال في الدين، وجهل بمقاصد علماء المسلمين، والسلف الماضين، وعلى هذه القاعدة تتخرج أيمان الطلاق، والعتاق، وجميع الصرائح والكنایات، فقد يصير الصريح كناية فيفتقر إلى النية، وقد تصير الكناية صريحا فتستغني عن النية..

- Antara contoh fatwa tempatan yang menyentuh persoalan ini ialah mengenai harta sepencarian.
- Antara perkara yang elok juga disentuh disini berkenaan dengan uruf ini ialah uruf epistemologi hukum atau uruf sumber hukum. Dalam penfatwaan dan penerangan hukum, sewajarnya uruf ini diambilkira.

- Hal ini bermaksud sebarang usaha ilmiah untuk menerangkan, menfatwakan atau membuat penghakiman semestinya mengambilkira bahawa persekitaran ekosistem hukum dan amalan beragama tempatan di kawasan nusantara ini melainkan beberapa tempat terasas dan terbina berdasarkan paradigma fiqh mazhab Syafie. Oleh yang demikian, tidak dapat tidak, perlu sesuatu penerangan hukum dan penfatwaan diputuskan dalam kerangka yang mengambilkira persekitaran berkenaan sekalipun wujud keperluan mendesak untuk beralih kepada paradigma hukum berasaskan mazhab lain.
- Lihat sahajalah penjelasan al-Imam Malik yang menolak secara baik syor Khalifah al-Mansur agar kitab Muwatta'nya dijadikan teks rujukan hukum yang standard dan baku kepada khilafah Islamiyyah dengan menyatakan kepada Khalifah bahawa setiap lokaliti dan kawasan sudah sedia tersebar hadith dan atsar serta pandangan hukum yang tertentu maka sewajarnya dibiarkan amalan yang sudah sedia terasas dan mengukuh itu sedemikian tanpa melakukan intervensi hukum yang baru agar fitnah dan konflik hukum dan pertentangan yang diakibatkan olehnya dapat dielakkan. Al-Imam Ibn 'Abd al-Bar menukulkan kata-kata al-Imam Malik ini di dalam kitabnya al-Intiqā' fi Fadha'il al-Tsalasah al-A'immat al-Fuqaha' sebagaimana berikut:

“يا أمير المؤمنين لا تفعل هذا فإن الناس قد سبقت إليهم أقاويل، وسمعوا أحاديث، ورووا روايات، وأخذ كل قوم بما سبق إليهم، وأتوا به من اختلاف الناس، فدع الناس وما اختار أهل كل بلد منهم لأنفسهم.”

iv. Perubahan fatwa akibat interaksi dan reaksi fatwa dengan polisi dan ketetapan prinsip al-Siyasah al-Syar'iyah:

- Antara contoh fatwa tempatan yang menyentuh persoalan ini ialah isu kalimah Allah. Memang dari segi prinsip aqidah, Allah tuhan bagi kesemua dan keseluruhan makhluk, muslim mahupun kafir. Namun, dalam konteks tempatan khususnya di Semenanjung, sudah berakar tradisi amalan beragama bahawa hanya Islam yang menggunakan istilah “Allah” bagi tuhan yang disembah. Oleh yang demikian, apabila ada cubaan dan provokasi untuk digunakan kalimah “Allah” untuk dipakai dalam amalan agama bukan Islam, maka fatwa tempatan memutuskan perlunya disekat cubaan dan provokasi berkenaan di bawah prinsip Sadd al-Zari'ah. Hal ini demikian disebabkan jika dipakai prinsip “fath al-zari'ah” nescaya usaha menyeludup masuk elemen negatif dan peluasan pengaruh agama lain akan berlaku serta dikhuatiri secara zann al-ghalib akan menyebabkan terjejasnya kedudukan akidah sebahagian umat Islam yang agak cetek pengetahuan dan pegangan agamanya.
- Begitulah juga halnya berkaitan dengan pernikahan dengan Kitabiyyah.
- Antara contoh lain yang berkaitan dengan hal ini ialah fatwa berkenaan dengan keharusan pelaburan dana-dana PNB serta penyediaan tolok ukur pelaburan patuh syariah oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara.

v. Perubahan fatwa akibat interaksi dan reaksi fatwa terhadap fenomena fasad al-zaman:

- Al-Imam Ibnu 'Abidin menyebutkan di dalam kitabnya *Nasyr al-'Urf* bahawa majoriti hukum berbeza dan berubah kerana faktor perubahan masa dan perubahan 'urf anggota masyarakatnya. Ia turut berubah kerana faktor darurat dan faktor kerosakan masyarakat pada zaman berkenaan (fasad ahl al-zaman). Jelas beliau lagi bahawa sekiranya fatwa dan pandangan hukum tidak berubah disebabkan faktor-faktor berkenaan nescaya akan berlakulah kesulitan, kerumitan, kemudaratan kepada orang ramai serta akan berlaku konflik dengan prinsip Syarak yang terbina di atas dasar pengambikiraan faktor peringanan dan pemudahan serta menghalang berlakunya kemudaratan...

اعلم أن المسائل الفقهية إما أن تكون ثابتة بصريح النص وهي الفصل الأول، وإما أن تكون ثابتة بضرب إجتهد ورأي، وكثير منها ما يبينه المجتهد على ما كان في عرف زمانه بحيث لو كان في زمان العرف الحادث لقال بخلاف ما قاله أولاً، ولذا قالوا في شروط الإجتهد أنه لا بد فيه من معرفة عادات الناس، فكثير من الأحكام تختلف باختلاف الزمان، لتغير عرف أهله، أو لحدوث ضرورة، أو لفساد أهل الزمان، بحيث لو بقي الحكم على ما كان عليه أولاً؛ للزم منه المشقة والضرر بالناس، ولخالف قواعد الشريعة المبنية على التخفيف والتيسير ودفع الضرر والفساد. ولهذا ترى مشايخ المذهب خالفوا ما نصّ عليه المجتهد في مواضع كثيرة بناها على ما كان في زمنه، لعلمهم بأنه لو كان في زمنهم لقال بما قالوا به أخذاً من قواعد مذهبه...

- Antara contoh klasik, ialah tindakan Sayyidina ‘Ali Radhiya Allahu ‘anhu yang memutuskan ganti rugi perlu ditanggung oleh penerima upah bagi melaksanakan sesuatu projek atau kerja (tadhmin al-sunna`” dengan kata-katanya yang masyhur:

قال علي رضي الله عنه .: لا يصلح الناس إلا ذاك

- Syeikh Mustafa al-Zarqa` menyebutkan masalah kehilangan idealisme dalam syarat al-‘adalah untuk menjadi saksi mahkamah dan seumpamanya menyebabkan para fuqaha` membolehkan individu-individu yang tidak cukup syarat yang ideal itu turut memberi keterangan dengan disyaratkan adanya sumpah dibuat oleh saksi dan seumpamanya. Pernyataan beliau dalam kitabnya Syarah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah adalah sebagaimana berikut:

لما ندرت العدالة وعزت في هذه الأزمان قالوا بقبول شهادة الأمثل فالأمثل والأقل فجورا فالأقل، وجوزوا تحليف الشهود عند إلحاح الخصم، وإذا رأى الحاكم ذلك؛ لفساد الزمان."

▪ **Fatwa berubah dan fatwa mengubah**

Kerapnya didapati perbincangan mengenai keperluan untuk fatwa berubah mengikut perkembangan zaman dan lingkungan, tetapi ramai yang terlupa disamping wujud keperluan untuk fatwa berubah dalam senario-senario yang tertentu, wujud juga keperluan untuk fatwa diperkasakan untuk mengubah senario, keadaan dan lingkungan. Bahkan sebenarnya sebarang perbincangan mengenai fatwa dan perubahan seharusnya berakhir dengan perbincangan mengenai peranan fatwa untuk mengubah keadaan dan lingkungan dari suatu realiti kepada realiti yang terlebih baik

sebagai melaksanakan prinsip Quraniy iaitu al-Islah dan Ahsan 'Amala". Justeru perbincangan tentang fatwa dan perubahan bukan sahaja pada kesediaan fatwa untuk berubah tetapi yang terlebih utama ialah keperluan untuk persekitaran dan lingkungan berubah untuk mengikut fatwa.

▪ **Fatwa Mengubah:**

Isyarat daripada sunnah dan atsar mengenai keperluan mengenegahkan fatwa dan pandangan hukum yang tidak sahaja berbentuk pasif dan reaktif terhadap perubahan zaman dan lingkungan malah sewajarnya dan setepatnya biarlah fatwa dan pendirian hukum mampu bertindak menjadi kerangka besar kepada proses mengubah lingkungan, persekitaran dan zaman kepada sesuatu yang lebih dekat dengan kehendak dan keredaan Illahi. Lihat sahajalah kepada respons Sayyidina Ja'far bin Abi Tolib Radhiya Allahui 'anhu apabila ditanyakan mengenai faedah dan corak agama Islam yang dianuti oleh kaum muslimin semasa berdialog dengan al-Najasyi. Beliau telah menyatakan bahawa dengan menganut Islam berlaku perubahan besar kepada aspek cara hidup dan budaya orang arab yang asalnya negatif kepada positif, daripada Jahiliyyah kepada hidup yang bertamaddun. Perincian jawapannya adalah sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Imam Ahmad:

... وَقَدْ دَعَا النَّجَاشِيُّ أَسَاقِفَتَهُ فَنَشَرُوا مَصَاحِفَهُمْ حَوْلَهُ لِيَسْأَلَهُمْ فَقَالَ مَا هَذَا الدِّينُ
الَّذِي فَارَقْتُمْ فِيهِ قَوْمَكُمْ وَلَمْ تَدْخُلُوا فِي دِينِي وَلَا فِي دِينِ أَحَدٍ مِنْ هَذِهِ الْأُمَمِ ؟ قَالَتْ : فَكَانَ
الَّذِي كَلَّمَهُ جَعْفَرُ بْنُ أَبِي طَالِبٍ فَقَالَ لَهُ : أَيُّهَا الْمَلِكُ كُنَّا قَوْمًا أَهْلَ جَاهِلِيَّةٍ نَعْبُدُ الْأَصْنَامَ
وَنَأْكُلُ الْمَيْتَةَ وَنَأْتِي الْفَوَاحِشَ وَنَقْطَعُ الْأَرْحَامَ وَنُسِيءُ الْجَوَارِ يَأْكُلُ الْقَوِيُّ مِنْ الضَّعِيفِ فَكُنَّا

عَلَى ذَلِكَ حَتَّى بَعَثَ اللَّهُ إِلَيْنَا رَسُولًا مِّنَّا نَعْرِفُ نَسَبَهُ وَصِدْقَهُ وَأَمَانَتَهُ وَعَفَافَهُ فَدَعَانَا إِلَى اللَّهِ لِنُوحِدَهُ وَنَعْبُدَهُ وَنَخْلَعَ مَا كُنَّا نَعْبُدُ نَحْنُ وَأَبَاؤُنَا مِنْ دُونِهِ مِنَ الْحِجَارَةِ وَالْأَوْثَانِ وَأَمَرَنَا بِصِدْقِ الْحَدِيثِ وَأَدَاءِ الْأَمَانَةِ وَصِلَةِ الرَّحِمِ وَحُسْنِ الْجَوَارِ وَالْكَفِّ عَنِ الْمَحَارِمِ وَالِدِمَاءِ وَتَهَانَا عَنِ الْفَوَاحِشِ وَقَوْلِ الزُّورِ وَأَكْلِ مَالِ الْيَتِيمِ وَقَذْفِ الْمُحْصَنَةِ وَأَمَرَنَا أَنْ نَعْبُدَ اللَّهَ وَحْدَهُ لَا نُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَأَمَرَنَا بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَالصِّيَامِ - قَالَ : فَعَدَّدَ عَلَيْهِ أُمُورَ الْإِسْلَامِ - فَصَدَّقْنَاهُ وَأَمَّنَّا بِهِ وَاتَّبَعْنَاهُ عَلَى مَا جَاءَ بِهِ فَعَبَدْنَا اللَّهَ وَحْدَهُ فَلَمْ نُشْرِكْ بِهِ شَيْئًا وَحَرَّمْنَا مَا حَرَّمَ عَلَيْنَا وَأَحْلَلْنَا مَا أَحَلَّ لَنَا فَعَدَا عَلَيْنَا قَوْمُنَا فَعَدَّبُونَا وَفَتَنُونَا عَنْ دِينِنَا لِيَرُدُّونَا إِلَى عِبَادَةِ الْأَوْثَانِ مِنْ عِبَادَةِ اللَّهِ وَأَنْ نَسْتَحِلَّ مَا كُنَّا نَسْتَحِلُّ مِنَ الْخَبَائِثِ ... " [رواه أحمد]

- Justeru, perlu juga dibahaskan dalam topik atau tema mengenai fatwa dan perubahan ini, aspek strategi dan formula perubahan sistem dan masyarakat bagi memperlihatkan dinamisme mufti dan fatwa sebagai agen perubahan dan tidak hanya perbincangan kita tertumpu kepada keperluan untuk berubah kesan daripada perubahan yang orang lain kenakan ke atas kita.
- Lihat sahaja aspek fiqh al-iftiradhiy yang para fuqaha` dan ulama kita dahulu ketengahkan, sebenarnya tidak lain dan tidak bukan sebagai gambaran bahawa mereka bukan sahaja mampu mendepani sebarang perubahan bahkan merekalah juga pencetus kepada perubahan sistem pada era mereka.

Wallahu A'lam.